**Sejarah**
**Kertas 1 dan Kertas 2**
**Peraturan Pemarkahan**
**Julai / Ogos**

**1249/1 & 1249/2**

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI SEMBILAN**

---

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA**
**SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026**

---

# PERATURAN PEMARKAHAN

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **32** halaman bercetak

1249/1 dan 1249/2 © 2026 Hak cipta MPSMNS


Scanned with CamScanner

**KERTAS 1**

| NO | JAWAPAN | ARAS | KONSTRUK | M/S | TING |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | B | RENDAH | MENGINGAT | 9 | 4 |
| 2 | D | RENDAH | MENGANALISIS | 13 | 4 |
| 3 | B | SEDERHANA | MEMAHAMI | 24-25 | 4 |
| 4 | C | RENDAH | MENGINGAT | 39 | 4 |
| 5 | A | RENDAH | MENGANALISIS | 54 | 4 |
| 6 | C | SEDERHANA | MEMAHAMI | 70 | 4 |
| 7 | D | SEDERHANA | MENGANALISIS | 100 -101 | 4 |
| 8 | D | RENDAH | MENGINGAT | 107 & 115 | 4 |
| 9 | A | TINGGI | MENGANALISIS | 130 | 4 |
| 10 | C | TINGGI | MEMAHAMI | 136 | 4 |
| 11 | B | RENDAH | MEMAHAMI | 148 | 4 |
| 12 | A | RENDAH | MEMAHAMI | 159 | 4 |
| 13 | D | TINGGI | MENGINGAT | 178 | 4 |
| 14 | A | SEDERHANA | MENGANALISIS | 183 | 4 |
| 15 | C | RENDAH | MEMAHAMI | 200 | 4 |
| 16 | C | RENDAH | MEMAHAMI | 206 | 4 |
| 17 | B | TINGGI | APLIKASI | 219 | 4 |
| 18 | D | RENDAH | MENGINGAT | 222 | 4 |
| 19 | C | SEDERHANA | MENGANALISIS | 237 | 4 |
| 20 | B | RENDAH | MENGINGAT | 244 | 4 |
| 21 | A | TINGGI | MENGANALISIS | 6 | 5 |
| 22 | C | RENDAH | MENGINGAT | 9 | 5 |
| 23 | C | RENDAH | MENGINGAT | 22 | 5 |
| 24 | A | SEDERHANA | MENGINGAT | 31 | 5 |
| 25 | B | RENDAH | MENGINGAT | 38 | 5 |
| 26 | D | SEDERHANA | MENGANALISIS | 55 | 5 |
| 27 | C | SEDERHANA | MENGINGAT | 69 | 5 |
| 28 | B | RENDAH | MENGANALISIS | 77 | 5 |
| 29 | B | SEDERHANA | MEMAHAMI | 92 | 5 |
| 30 | D | SEDERHANA | MEMAHAMI | 100 | 5 |
| 31 | A | RENDAH | MEMAHAMI | 117 | 5 |
| 32 | A | TINGGI | MENGANALISIS | 130 | 5 |
| 33 | D | RENDAH | MENGINGAT | 140 | 5 |
| 34 | A | RENDAH | MENGINGAT | 150 | 5 |
| 35 | D | RENDAH | MENGINGAT | 167 | 5 |
| 36 | B | TINGGI | MENGANALISIS | 182 | 5 |
| 37 | D | RENDAH | MENGINGAT | 199 | 5 |
| 38 | D | TINGGI | MENGANALISIS | 210 | 5 |
| 39 | C | SEDERHANA | MEMAHAMI | 230 | 5 |
| 40 | A | SEDERHANA | MEMAHAMI | 240 | 5 |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



Scanned with CamScanner

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !



## KERTAS 2
### Bahagian A

1 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran, peraturan, masyarakat yang tersusun dan corak politiknya yang tersendiri bagi membentuk negara bangsa.

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 *(a)* | Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. | | |
| | F1 | Kerajaan | 1 |
| | F2 | Rakyat | 1 |
| | F3 | Kedaulatan | 1 |
| | F4 | Wilayah pengaruh | 1 |
| | F5 | Undang-undang | 1 |
| | F6 | Lambang kebesaran | 1 |
| Hlm. 6-7 | | [Mana-mana 2 x 1 *m*] | **[2 *m*]** |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 *(b)* | Jelaskan sistem pentadbiran dalam Kesultanan Melayu Melaka. | | |
| | F1 | Dikenali Sistem Pembesar Empat Lipatan | 1 |
| | F2 | Sultan Melaka memberikan kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah/sungai/ pulau kepada Pembesar Berempat | 1 |
| | F3 | Setiap kawasan pentadbiran ini dikenali sebagai kawasan pegangan | 1 |
| | F4 | Sistem pentadbiran tersusun dan berhierarki | 1 |
| | F5 | Sultan mengetuai pemerintahan | 1 |
| | F6 | Mempunyai kuasa dalam segala aspek pemerintahan/ peperangan/ hubungan diplomatik/ agama | 1 |
| | F7 | Pembesar Berempat terdiri daripada Bendahara/ Penghulu Bendahari/ Temenggung/ Laksamana | 1 |
| | F8 | Pembesar lain yang membantu dalam pentadbiran/ Syahbandar/ Bentara/ Orang Kaya/ hulubalang/ penghulu | 1 |
| | F9 | Terdapat pentadbiran peringkat pusat | 1 |
| | F10 | Bendahara sebagai ketua pentadbir/ ketua turus angkatan tentera/ menasihati sultan dalam pelbagai hal/ menjadi pemangku sultan | 1 |
| | F11 | Mempunyai sistem kewangan yang teratur | 1 |
| | F12 | Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan secara teratur | 1 |
| | F13 | Syahbandar mengutip cukai di pelabuhan | 1 |
| | F14 | Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan | 1 |
| | F15 | Hasil perbendaharaan akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan/ membeli senjata/ membina istana | 1 |



Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F16 | Mempunyai sistem keselamatan yang kemas untuk menjaga keamanan di darat/ di laut | 1 |
| | F17 | Temenggung dilantik menjaga keselamatan kota Melaka | 1 |
| | F18 | Laksamana sebagai panglima angkatan laut Melaka | 1 |
| | F19 | Pentadbiran peringkat jajahan | 1 |
| | F20 | Pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di kampung/ daerah | 1 |
| | F21 | Pembesar dilantik oleh sultan/ Pembesar Berempat | 1 |
| | F22 | Peranan mereka menjaga keamanan | 1 |
| | F23 | Mengutip cukai | 1 |
| Hlm. 8-9 | | [Mana-mana 4 x 1 *m*] | [4 ***m***] |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 *(c)* | "Pemimpin berwibawa kunci kepada kestabilan pentadbiran negara."<br>Sumber : Berita Harian, 11 November 2024<br>Ulaskan. | | |
| | F1 | Mengamalkan integriti/ ketelusan dalam pentadbiran | 1 |
| | F2 | Mempunyai visi/ perancangan yang jelas | 1 |
| | F3 | Memastikan keamanan negara terjamin | 1 |
| | F4 | Mengutamakan keharmonian masyarakat | 1 |
| | F5 | Membuat keputusan bijak/ rasional | 1 |
| | F6 | Mampu menangani krisis dengan berkesan<br>(Mana-mana jawapan berkaitan) | 1 |
| | | [Mana-mana 4 x 1 *m*] | [4 ***m***] |
| | | **Catatan : Fokus kepada pemimpin berwibawa** | |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



Scanned with CamScanner

2 Perang dunia berpunca daripada perkembangan nasionalisme dalam kalangan negara Eropah yang membawa persaingan antara kuasa imperialis.

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| 2 *(a)* | Nyatakan **dua** negara yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama. | | |
| | F1 | Jerman | 1 |
| | F2 | Austria-Hungary | 1 |
| | F3 | Bulgaria | 1 |
| | F4 | Empayar Uthmaniyah | 1 |
| | F5 | Britain | 1 |
| | F6 | Perancis | 1 |
| | F7 | Rusia | 1 |
| | F8 | Serbia | 1 |
| | F9 | Itali | 1 |
| | F10 | Romania | 1 |
| | F11 | Portugal | 1 |
| Hlm. 54 | F12 | Greece | 1 |
| | | [Mana-mana 2 x 1 *m*] | **[2 *m*]** |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| 2 *(b)* | Jelaskan faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama. | | |
| | F1 | **Persaingan kuasa imperialis** | 1 |
| | F2 | Disebabkan perkembangan Revolusi Industri | 1 |
| | F3 | Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan | 1 |
| | F4 | Bagi memperoleh bahan mentah | 1 |
| | F5 | Seperti arang batu/ petroleum/ bijih timah | 1 |
| | F6 | Memasarkan hasil industri | 1 |
| | F7 | **Pakatan ketenteraan** | 1 |
| | F8 | Kuasa Tengah/ Pakatan Bertiga | 1 |
| | F9 | Permusuhan antara kuasa Eropah | 1 |
| | F10 | Ketidakstabilan politik berterusan di Eropah | 1 |
| | F11 | Persaingan mendapatkan tanah jajahan | 1 |
| | F12 | Bersaing menghasilkan senjata moden | 1 |
| | F13 | Sedia berperang | 1 |
| | F14 | Mempertahankan kepentingan masing-masing | 1 |
| | F15 | **Krisis Rantau Balkan** | 1 |
| | F16 | Akibat permusuhan Austria-Hungary/ Serbia | 1 |
| | F17 | Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb | 1 |
| | F18 | Berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary | 1 |
| Hlm.54 | F19 | Pembunuhan Archduke Ferdinand/ Putera Mahkota Austria-Hungary/ isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia | 1 |
| | | [Mana-mana 4 x 1 *m*] | **[4 *m*]** |



Scanned with CamScanner

| Soalan | | Perincian | Markah |
|---|---|---|---|
| 2 *(c)* | Jelaskan kesan sekiranya peperangan berterusan. | | |
| | F1 | Nilai mata wang jatuh/ susut nilai | 1 |
| | F2 | Ringgit tidak stabil | 1 |
| | F3 | Tekanan terhadap aliran modal | 1 |
| | F4 | Pelabur hilang minat | 1 |
| | F5 | Ekonomi negara terjejas | 1 |
| | F6 | Kenaikan harga barang | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan berkaitan) | |
| | | [Mana-mana 4 x 1 *m*] | **[4 *m*]** |

**3** Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara.

| Soalan | | Perincian | Markah |
|---|---|---|---|
| 3 *(a)* | Jelaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam aspek berikut: | | |
| | | (i) Kuasa eksekutif | |
| | F1 | Bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri | 1 |
| | F2 | Melantik Perdana Menteri/ Jemaah Menteri | 1 |
| | F3 | Melantik seorang ahli Dewan Rakyat | 1 |
| | F4 | Melantik Menteri-menteri/ Timbalan-timbalan Menteri daripada ahli Dewan Rakyat/ Dewan Negara | 1 |
| | F5 | Melantik jawatan penting | 1 |
| | F6 | Peguam Negara/ Panglima Angkatan Tentera/ Ketua Audit Negara/ Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya/ Ahli Suruhanjaya Polis/ ahli Majlis Angkatan Tentera | 1 |
| | F7 | Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia | 1 |
| | F8 | Bertanggungjawab bagi pemerintahan/ tatatertib/ pentadbiran angkatan tentera | 1 |
| | F9 | Melantik diplomat Malaysia ke luar negara | 1 |
| Hlm. 48 | F10 | Menerima menghadap diplomat asing | 1 |
| | | [Mana-mana 2 x 1 *m*] | **[2 *m*]** |
| | | (ii) Kuasa perundangan | |
| | F1 | Memperkenan Rang Undang-Undang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara | 1 |
| | F2 | Berkuasa memangggil Parlimen bersidang | 1 |
| | F3 | Memberhenti/ membubarkan Parlimen | 1 |
| | F4 | Ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri/ Wilayah Persekutuan/ Melaka/ Pulau Pinang/ Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F5 | Menjaga/ melindungi kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera di Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F6 | Melindungi kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F7 | Membuat pengisytiharan darurat | 1 |



Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F8 | Pengisytiharan dibuat setelah wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam/ ekonomi negara | 1 |
| Hlm. 49 | | [Mana-mana 2 x 1 *m*] | **[2 *m*]** |
| | | (iii) Kuasa Kehakiman | |
| | F1 | Melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri | 1 |
| | F2 | Ketua Hakim Negara/ Presiden Mahkamah Rayuan/ Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya/ Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah/ Hakim Mahkamah Persekutuan/ Hakim Mahkamah Rayuan/ Hakim Mahkamah Tinggi | 1 |
| | F3 | Setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman/ berunding dengan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F4 | Seseorang yang sudah dihukum boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F5 | Baginda bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan | 1 |
| | F6 | Baginda berkuasa mengampun/ menangguh/ meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera/ Mahkamah Syariah Melaka/ Pulau Pinang/ Sarawak/ Sabah/ Wilayah Persekutuan | 1 |
| Hlm. 49 | | [Mana-mana 2 x 1 *m*] | **[2 *m*]** |

| Soalan | | Perincian | Markah |
|---|---|---|---|
| 3*(b)* | | Teliti poster berikut.   Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. | |
| | F1 | Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua utama negara | 1 |
| | F2 | Lambang perpaduan rakyat berbilang kaum | 1 |
| | F3 | Lambang kedaulatan negara | 1 |
| | F4 | Institusi beraja perlu dihormati oleh semua pihak | 1 |
| | F5 | Menjamin keamanan/ kesejahteraan negara | 1 |
| | F6 | Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera di Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F7 | Menjaga kepentingan sah kaum lain | 1 |



Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F8 | Mengelakkan daripada berlaku pertikaian/ pergaduhan/ antara pemimpin | 1 |
| | F9 | Mengekalkan keharmonian negara<br>(Mana-mana jawapan berkaitan) | 1 |
| | | [Mana-mana 4 x 1 *m*] | **[4 *m*]** |
| | | **Catatan :**<br>• **Sekiranya calon menyalin lambang perpaduan dan lambang kedaulatan, dikira 1 markah**<br>• **Sekiranya calon memisahkan ayat lambang perpaduan = 1 markah, lambang kedaulatan = 1 markah** | |

4 Rukun Negara ialah ideologi yang dibentuk sebagai usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan.

| **Soalan** | | **Perincian** | **Markah** |
|---|---|---|---|
| 4 *(a)* | Senaraikan **dua** matlamat pembentukan Rukun Negara. | | |
| | F1 | Masyarakat demokratik | 1 |
| | F2 | Negara bersatu | 1 |
| | F3 | Masyarakat liberal | 1 |
| | F4 | Masyarakat progresif | 1 |
| Hlm. 158 | F5 | Masyarakat adil | 1 |
| | | [Mana-mana 2 x 1 *m*] | [2 *m*] |

| **Soalan** | | **Perincian** | **Markah** |
|---|---|---|---|
| 4 *(b)* | Jelaskan matlamat di 4(*a*). | | |
| | | **Masyarakat Demokratik** | |
| | F1 | Mendukung cita-cita hendak memelihara cara hidup demokratik apabila rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi perlembagaan | 1 |
| | F2 | Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi | 1 |
| | F3 | Kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang negara | 1 |
| | F4 | Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum | 1 |
| | | **Negara Bersatu** | |
| | F5 | Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu | 1 |
| | F6 | Setiap ahli masyarakat menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan atau kepercayaan | 1 |
| | F7 | Mereka juga mempunyai kesetiaan dan cinta akan negara | 1 |



Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | **Masyarakat Liberal** | |
| | F8 | Ahli masyarakat bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara | 1 |
| | F9 | Ahli masyarakat bercita-cita mencipta satu masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara Malaysia | 1 |
| | | **Masyarakat Progresif** | |
| | F10 | Kita mendukung cita-cita hendak menegakkan satu masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi | 1 |
| | F11 | Mengamalkan nilai-nilai ketuhanan | 1 |
| | F12 | Masyarakat progresif adalah satu masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan pada masa ini | 1 |
| | | **Masyarakat Adil** | |
| | F13 | Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu masyarakat yang adil | 1 |
| | F14 | Masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara | 1 |
| | F15 | Masyarakat yang adil akan wujud apabila pihak yang lemah dibantu | 1 |
| Hlm. 158 | F16 | Mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan bebas daripada penindasan | 1 |
| | | [Mana-mana 4 x 1 *m*] | **[4 *m*]** |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| 4 *(c)* | Maklumat berikut berkaitan prinsip Rukun Negara.<br>• Keluhuran Perlembagaan<br>• Kedaulatan Undang-undang<br>• Kesopanan dan Kesusilaan<br>Bagaimanakah prinsip tersebut dapat mengukuhkan perpaduan kaum di negara kita? | | |
| | F1 | Memahami hak dan tanggungjawab sebagai warganegara | 1 |
| | F2 | Tidak mempertikai perkara sensitif secara melampau | 1 |
| | F3 | Semua pihak mematuhi perlembagaan dalam setiap tindakan | 1 |
| | F4 | Pihak berkuasa bertindak adil dan tegas tanpa pilih kasih | 1 |
| | F5 | Mengamalkan nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat | 1 |



Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F6 | Menggunakan bahasa yang sopan/ berhikmah dalam tindakan<br>(Mana-mana jawapan berkaitan)<br>[Mana-mana 4 x 1 *m*] | 1<br><br><br>[4 *m*] |

**Bahagian B**

5 Komunis bertindak menggugat keamanan dan kestabilan negara walaupun Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan di seluruh Tanah Melayu.

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| *5(a)* | Jelaskan tindakan komunis tersebut. | | |
| | F1 | **Melumpuhkan ekonomi** | 1 |
| | F2 | Lombong bijih timah/ ladang getah menjadi sasaran utama serangan komunis | 1 |
| | F3 | Komunis menyerang 80 lombong bijih di Perak/ Selangor/ Negeri Sembilan | 1 |
| | F4 | Merosakkan pokok getah/ kilang estet/ rumah asap/ rumah kongsi/ kedai/ sekolah | 1 |
| | F5 | Membunuh pekerja/ pekerja lombong/ ladang getah/ menderita/ nyawa mereka turut terancam | 1 |
| | F6 | Mengganggu kerja harian di lombong/ ladang | 1 |
| | F7 | **Merosakkan infrastruktur** | 1 |
| | F8 | Menjalankan pelbagai kegiatan sabotaj terhadap kemudahan asas/ sistem pengangkutan/ perhubungan | 1 |
| | F9 | Mereka mengebom/ merosakkan/ mengalihkan landasan kereta api | 1 |
| | F10 | Kenderaan yang melalui jalan raya pula ditembak/ dibakar | 1 |
| | F11 | Mensabotaj kemudahan telefon/ telegraf/ merosakkan paip air | 1 |
| | F12 | Mereka bertindak menyerang pekerja awam yang ditugaskan untuk membaiki jalan raya/ memasang paip air/ membina sistem pengairan/ pekerja yang menjalankan penyelidikan di tapak skim hidroelektrik | 1 |
| | F13 | Menjejaskan kehidupan harian penduduk tempatan kerana infrastruktur tidak dapat diselenggara dengan baik | 1 |
| | F14 | **Mengancam keselamatan rakyat** | 1 |
| | F15 | Mengugut/ mensabotaj/ menyerang/ melakukan kekejaman/ menganiaya/ menculik/ merampas/ membakar harta benda/ membunuh penduduk yang enggan bekerjasama | 1 |
| | F16 | Komunis mencampakkan bom tangan di Sheum Circus, Kampar, Perak | 1 |
| | F17 | Menyebabkan kesengsaraan/ penderitaan kepada rakyat | 1 |



Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hlm. 149-150 | F18 | **Mengancam pasukan keselamatan** | 1 |
| | F19 | Menyerang balai polis | 1 |
| | F20 | Tindakan ini dilakukan untuk mencetuskan keadaan yang huru-hara | 1 |
| | F21 | Menunjukkan ketidakupayaan kerajaan untuk melindungi keselamatan penduduk | 1 |
| | | [Mana-mana 4 x 1 m] | **[4m]** |

| Soalan | | Perincian | Markah |
|---|---|---|---|
| 5*(b)* | Ancaman komunis memberi kesan terhadap negara kita. Huraikan. | | |
| | F1 | **Peningkatan jumlah warganegara** | 1 |
| | F2 | Kerajaan telah melonggarkan syarat kewarganegaraan pada tahun I952 | 1 |
| | F3 | Seramai lebih kurang 1.2 juta orang Cina/ 180 ribu orang India menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F4 | Kelonggaran syarat ini menunjukkan pengorbanan orang Melayu terhadap kaum lain bagi mewujudkan perpaduan rakyat | 1 |
| | F5 | **Penubuhan Malayan Chinese Association** | 1 |
| | F6 | Darurat mendorong Sir Henry Gurney mengambil langkah menawan hati penduduk Cina ke arah penubuhan parti politik berorientasikan tempatan | 1 |
| | F7 | Penubuhan MCA meyakinkan British bahawa bukan semua orang Cina menyokong komunis | 1 |
| | F8 | MCA bersedia berganding bahu dengan kerajaan memerangi komunis | 1 |
| | F9 | Dibentuk oleh Tan Cheng Lock di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1949 | 1 |
| | F10 | MCA mempunyai 250 ribu orang ahli | 1 |
| | F11 | MCA membantu kerajaan dari segi kewangan/ menempatkan 500 ribu orang penduduk semula ke Kampung Baru | 1 |
| | F12 | MCA juga menjalankan kutipan derma melalui jualan loteri kebajikan untuk penduduk di Kampung Baru | 1 |
| | F13 | MCA berjaya mengumpulkan sejumlah $2.5 juta bagi memperbaik kehidupan penduduk Cina di Kampung Baru | 1 |
| | F14 | **Mempercepat kemerdekaan** | 1 |
| | F15 | Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan pemimpin kaum bahawa mereka boleh berkongsi kepentingan/ hala tuju yang sama melalui penubuhan Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) | 1 |



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F16 | Kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955 memberikan keyakinan kepada British bahawa Persekutuan Tanah Melayu dapat menewaskan komunis melalui perpaduan penduduk yang berbilang kaum | 1 |
| | F17 | British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F18 | PKM tidak mempunyai alasan untuk meneruskan perjuangannya | 1 |
| | F19 | **Meningkatkan kos perbelanjaan** | 1 |
| | F20 | Anggaran purata kos darurat ialah sebanyak $250 ribu hingga $300 ribu sehari | 1 |
| | F21 | Kerajaan terpaksa membelanjakan lebih $10 juta sebulan atau $120 juta setahun untuk membanteras ancaman komunis | 1 |
| | F22 | Kerajaan membelanjakan kos yang besar untuk menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk di pinggir hutan | 1 |
| | F23 | Dari tahun 1950 hingga tahun 1953, perbelanjaan kerajaan dianggarkan lebih $7 juta untuk pembangunan di Kampung Baru | 1 |
| | F24 | **Menyebabkan penderitaan/ kesengsaraan kepada rakyat** | 1 |
| | F25 | Kawasan ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis menyebabkan kegiatan ekonomi negara terjejas | 1 |
| | F26 | Pengeluaran tanaman padi/ makanan lain semakin berkurangan | 1 |
| | F27 | Harga barang makanan/ keperluan harian melambung tinggi | 1 |
| | F28 | Peniaga/ pekedai/ pengusaha kebun/ peladang/ pelombong mengalami kesukaran kerana mereka merupakan sasaran peras ugut komunis bagi mendapatkan wang/ bekalan makanan | 1 |
| | F29 | Kegagalan memenuhi tuntutan komunis menyebabkan kemusnahan pada lombong ladang/ kedai/ mengancam nyawa | 1 |
| | F30 | Penduduk juga menghadapi kesukaran untuk bergerak/ memperoleh bekalan keperluan kerana terpaksa mematuhi pelbagai peraturan yang dikenakan oleh kerajaan | 1 |
| | F31 | Penduduk tidak dapat menjalankan kegiatan harian | 1 |
| | F32 | Ramai pekebun/ pekerja lombong tidak dapat bekerja kerana perintah berkurung dikenakan kepada mereka | 1 |
| | F33 | Catuan bekalan makanan yang dikenakan oleh kerajaan menyebabkan mereka bergantung pada makanan seperti ubi kayu/ keledek/ jagung | 1 |
| | F34 | **Merenggangkan hubungan kaum** | 1 |
| | F35 | Rancangan penempatan semula Kampung Baru didominasi oleh kaum tertentu | 1 |



Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F36 | Kaum Cina dikumpulkan di kawasan petempatan yang sama/ manakala kaum lain di petempatan lain | 1 |
| | F37 | Petempatan baharu yang dilengkapi dengan prasarana berkembang menjadi bandar baharu | 1 |
| | F38 | Manakala kaum Melayu hanya tertumpu di kampung yang serba kekurangan | 1 |
| | F39 | Kawalan pasukan keselamatan yang ketat menyebabkan hubungan dengan kaum lain terbatas | 1 |
| | F40 | Kehidupan demikian tidak memberikan ruang kepada penduduk Kampung Baru untuk bersosial dengan kaum lain | 1 |
| | F41 | Pengasingan menyebabkan hubungan antara kaum semakin renggang | 1 |
| | F42 | **Jumlah korban zaman darurat** | 1 |
| Hlm. 161-163 | F43 | Anggota pasukan keselamatan/ komunis/ orang awam terkorban | 1 |
| | | [Mana-mana 8 x 1 *m*] | **[8 *m*]** |



Scanned with CamScanner

<table>
<tr><th>Soalan</th><th>Perincian</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>5 (c)</td><td>Teliti petikan berikut.<br><br>Waspada Gerakan Hidupkan Ideologi Komunis di Negara Ini.<br><br>KUALA LUMPUR: Pakar Kajian Strategik dan Anti Keganasan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Madya Dr Mizan Mohammad Aslam mendakwa, negara kini diancam kegiatan terancang kumpulan properjuangan subversif yang secara halus cuba menghidupkan kembali ideologi komunis. Sejarah dan bukti menunjukkan tindakan komunis terhadap orang awam lebih kejam berbanding kumpulan subversif lain di dunia ini.<br><br>Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu menyatakan pendirian mereka dengan jelas terhadap gerakan komunis yang sedang menular di negara ini, selain tindakan tegas dilakukan terhadap individu yang cuba menghidupkan dan menyebarkannya. Malah, kelompok ini juga menggunakan media sosial dan media cetak untuk menyebarkan propaganda mereka secara halus.<br><br>Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas, menangkap serta mendakwa individu yang menghina kedaulatan dan mengancam keselamatan negara. Hal ini dapat mengekang daripada kejadian sama atau lebih teruk berulang.<br>Sumber diubah suai : https://www.bharian.com.my<br><br>Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Aras 4<br><br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam/terperinci<br>Komunikasi/pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br>Contoh:<br>Maklumat daripada petikan<br>- Negara diancam kegiatan terancang kumpulan prosubversif yang cuba mengembalikan ideologi komunis<br>- Bukti menunjukkan tindakan komunis terhadap orang awam lebih kejam berbanding kumpulan subversif lain di dunia ini<br>- Kerajaan perlu menyatakan pendirian mereka dengan jelas terhadap gerakan komunis yang sedang menular di negara ini<br>- Tindakan tegas dilakukan terhadap individu yang cuba menghidupkan dan menyebarkannya</td><td>7 - 8</td></tr>
</table>



Scanned with CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| | - Kelompok ini juga menggunakan media sosial dan media cetak untuk menyebarkan propaganda mereka secara halus<br>- Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas, menangkap serta mendakwa individu yang menghina kedaulatan dan mengancam keselamatan negara<br>- Tindakan ini dijadikan sebagai iktibar dan mengekang daripada kejadian sama atau lebih teruk berulang<br><br>**Huraian**<br>- Ideologi tersebut pernah membawa penderitaan besar kepada masyarakat<br>- Komunis boleh menggugat keamanan negara<br>- Pendirian tegas dapat mengelakkan masyarakat daripada terpengaruh dengan ideologi yang bercanggah dengan nilai agama, budaya dan sistem pemerintahan negara<br>- Hukuman yang dikenakan juga menjadi amaran kepada pihak lain supaya tidak melakukan perkara yang boleh menggugat keselamatan negara<br>- Menyebarkan maklumat palsu/ mengelirukan/ unsur propaganda mempengaruhi masyarakat<br>- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya mematuhi undang-undang<br>- Memahami sejarah perjuangan negara supaya tidak mudah dipengaruhi unsur negatif | |
| | **Aras 3**<br><br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens<br>Jawapan mendalam<br>Komunikasi/pengolahan menarik<br><br>**Contoh:**<br>- Negara diancam kegiatan terancang kumpulan prosubversif yang cuba mengembalikan ideologi komunis<br>- Bukti menunjukkan tindakan komunis terhadap orang awam lebih kejam berbanding kumpulan subversif lain di dunia ini.<br>- Kerajaan perlu menyatakan pendirian mereka dengan jelas terhadap gerakan komunis yang sedang menular di negara ini<br>- Ideologi tersebut pernah membawa penderitaan besar kepada masyarakat<br>- Komunis boleh menggugat keamanan negara<br>- Pendirian tegas dapat mengelakkan masyarakat daripada terpengaruh dengan ideologi yang bercanggah dengan nilai agama, budaya dan sistem pemerintahan negara. | **5 - 6** |



Scanned with CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas<br>Jawapan kurang mendalam<br>Menyatakan hujah secara ringkas<br><br>**Contoh :**<br>- Negara diancam kegiatan terancang kumpulan prosubversif yang cuba mengembalikan ideologi komunis<br>- Bukti menunjukkan tindakan komunis terhadap orang awam lebih kejam berbanding kumpulan subversif lain di dunia ini.<br>- Ideologi tersebut pernah membawa penderitaan besar kepada masyarakat<br>- Komunis boleh menggugat keamanan negara | **3 – 4** |
| | **Aras 1**<br><br>Pengetahuan dan pemahaman terhad<br>Jawapan secara umum<br><br>**Contoh :**<br>- Negara diancam kegiatan terancang kumpulan prosubversif yang cuba mengembalikan ideologi komunis<br>- Ideologi tersebut pernah membawa penderitaan besar kepada masyarakat<br><br>(Mana-mana jawapan berkaitan) | **1 - 2** |
| | **Mak.** | **[8 *m*]** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



Scanned with CamScanner

6 Kerajaan British telah mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 8 Mac 1956 setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| 6 *(a)* | Jelaskan Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. | | |
| | F1 | Membincangkan/ menyusun/ merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka | 1 |
| | F2 | Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu | 1 |
| | F3 | Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu. | 1 |
| | F4 | Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal/ bebas/ berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel | 1 |
| | F5 | Berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan | 1 |
| | F6 | Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat | 1 |
| | F7 | Kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu | 1 |
| | F8 | Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing | 1 |
| | F9 | Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara/ Yang di-Pertuan Besar (kemudiannya dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong) untuk Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F10 | Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F11 | Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu | 1 |
| Hlm. 220 | F12 | Menjaga kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | | [Mana-mana 6 x 1 *m*] | **[6 *m*]** |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| 6 *(b)* | Huraikan langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. | | |
| | F1 | Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima daripada pihak Raja-raja Melayu/ parti politik/ badan awam/ orang perseorangan untuk dipertimbangkan | 1 |
| | F2 | Memorandum ini berkaitan dengan corak pentadbiran/ kewarganegaraan/ kedudukan istimewa orang Melayu/ bahasa/ pendidikan | 1 |
| | F3 | Raja-raja Melayu mencadangkan Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F4 | Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan | 1 |

1249/1 dan 1249/2 © 2026 Hak cipta MPSMNS 

Scanned with CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F5 | Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ialah lima tahun | 1 |
| | F6 | Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F7 | Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu | 1 |
| | F8 | Kepentingan sah kaum lain | 1 |
